



SULTAN KELANTAN

Sultan ketuai senarai kurnia di NS

Oleh MAJID SAID

SRI MENANTI, Jumaat — Sultan Kelantan mengetuai 218 orang menerima kurniaan darjah-darjah kebesaran dan pingat-pingat kehormatan sempena Hari Keputeraan Ke-59 Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan esok. Baginda dianugerah Darjah Kerabat Negeri Sembilan (DKNS) dan anakanda Yang Dipertuan Besar, Tunku Jawahir binti Tuanku Jaafar dianugerahkan Darjah Kerabat Yam-

tuan Radin (DKYR). Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dikurniakan Darjah Seri Paduka Negeri Sembilan (SPNS).

Sepuluh orang dianugerahkan darjah Datuk Setia Negeri Sembilan (DSNS) membawa gelaran Datuk.

Mereka ialah Pengarah Urusan Kumpulan New Starits Times, Encik Junus Sudin, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Encik Ismail Mansor, bekas Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban, Haji Abdul Karim Ineh, ahli perniagaan, Ang Kim Chan, bekas Senantor Haji Abdul Samad Said, Pengarah Jajin, Jabatan Kerjaraya, Encik D. Inderjit Singh.

Kontraktor, Encik Mok Sum, Pengarah Latihan Guru, Haji Mohd. Ali Haji Ibrahim, Haji Sulaiman Jaalam, ahli perniagaan, Encik Loo Lim Teng dan Encik Lee Kee Chong juga ahli perniagaan.

Lima orang menerima Penyelarasan Datuk. Mereka ialah Datuk Yusoff Lalkhan, Datuk Osman Malik, Datuk Idris Matsi, Datuk Wan Saladdin dan Datuk Lee Yoke Yee.

Lima lagi menerima Darjah Setia Negeri (DSN), 12 menerima Pingat Pekerti Terpilih (PPT), lapan menerima Pingat Jasa Pendamal (JP), 47 Pingat Khidmat Cemerlang Masyarakat (PMC), 159 Pingat Jasa Kebaktian dan 33 menerima Pingat Khidmat Lama (PKL).

Panglima Briged Pertama Brig. Jen. Nik Mahmood Fakhruddin Kamil dan Hajah Khatimah, Ahli Dewan Undangan Pempangan menerima DSN.

Pengarah Muzik Polis Diraja Malaysia, DSP Alias Arshed, Pengarah Pelajaran Negeri adalah di antara mereka yang menerima Pingat Pekerti Terpilih. (Senarai penuh di muka 2).

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia